

01/11/2003

Syor badan khas awasi pelaksanaan agihan projek

Zainab Mohd Yatim

DASAR baru kerajaan untuk menyalurkan minimum 60 peratus projek kepada Bumiputera, perlu dilaksanakan di bawah pengawasan pengagihan ketat bagi menjamin keberkesannya.

Presiden Persatuan Pengilang dan Industri Perkhidmatan Bumiputera Malaysia, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin, berkata langkah itu amat dialu-alukan tetapi pelaksanaannya perlu dipastikan tidak berlaku penyelewengan.

"Tanggung jawab pengawasan itu perlu diberi kepada agensi seperti Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam atau agensi di Kementerian Kewangan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Dasar baru itu adalah antara 10 teras strategi tumpuan kerajaan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) yang dibentangkan, kelmarin.

Antara lain, langkah itu diperkenalkan bagi memastikan sasaran 30 peratus ekuiti Bumiputra dapat dicapai menjelang 2010.

"Perlu dipastikan, setiap agihan projek diberikan kepada usahawan Bumiputera tulen bagi memastikan tidak berlaku penyelewengan," kata Raja Nong Chik.

Beliau berkata, masalah yang berlaku kini bukan disebabkan usahawan Bumiputera khususnya kontraktor kecil tidak berupaya menyiapkan projek, tetapi mereka tidak diberi peluang.

"Ini kerana kontraktor utama yang mendapat projek tidak membuat agihan betul dan memberikannya kepada bukan Bumiputera yang tidak dinafikan mempunyai modal, keupayaan dan teknologi tinggi," katanya.

Raja Nong Chik turut menyifatkan dasar baru itu diperkenalkan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai ikhtiar terakhirnya membantu meningkatkan membabitkan Bumiputera dalam perniagaan.

"Beliau sudah cuba pelbagai cara dan diharap usaha terakhir ini ada kelebihannya serta berjaya serta usahawan Melayu mendapat kesedaran daripadanya," katanya.

Beliau berkata, pihaknya yakin ramai kontraktor Bumiputera mampu melaksanakan tugas itu kerana mereka sudah mempunyai pengalaman serta keupayaan yang cukup.

Raja Nong Chik berkata, pencapaian orang Melayu sebenarnya sudah meningkat, tetapi krisis kewangan 1997/1998 benar-benar menjadi tamparan hebat kepada mereka.

"Krisis itu sepatutnya menjadi pengalaman paling berharga bagi usahawan untuk bangkit dari kejatuhan," katanya.